



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 6/2026

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK)
PARLIMEN P.187 KINABATANGAN DAN PRK
DEWAN UNDANGAN N.58 LAMAG, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa keputusan **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan** telah dimenangi oleh **Mohd Kurniawan Naim bin Moktar (Naim Moktar)** dari parti **Barisan Nasional (BN)** dengan jumlah **19,852 undi** dan majoriti sebanyak **14,214 undi**. Jumlah peratus keluar mengundi bagi **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan** adalah sebanyak **55.06 %**.
2. Manakala keputusan pengundian **PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** pula dimenangi oleh **Mohd Ismail bin Ayub (Miha)** dari parti **Barisan Nasional (BN)** dengan jumlah **7,269 undi** dan majoriti sebanyak **5,681 undi**. Jumlah peratus keluar mengundi bagi **PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** adalah sebanyak **64.93%**.

3. Untuk keterangan lanjut berkenaan keputusan PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah, sila layari <https://dashboard.spr.gov.my>.

Sekian, harap maklum.

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
24 Januari 2026 / 5 Syaaban 1447H